

02 OCT 2000
Haji-lawat/I

TABUNG HAJI DIKUNJUNGI PESERTA PERSIDANGAN

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Lebih 150 anggota perwakilan dari 52 negara yang menyertai persidangan mengenai panduan haji melawat Tabung Haji hari ini untuk mengetahui lebih dekat pelbagai aktivitinya.

Rombongan yang diketuai Menteri Haji Arab Saudi Dr Iyad Ameen Madani, diiringi oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman.

Dalam lawatan dua jam itu, mereka diberi taklimat mengenai kegiatan Tabung Haji termasuk pengendalian urusan ibadah haji dan pengurusan tabung serta aktiviti ekonominya.

Anggota-anggota rombongan itu juga dihadiahkan pita video dan CD-ROM mengenai Tabung Haji.

Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji Datuk Badroddin Kassim memberitahu pelawat-pelawat itu bahawa Tabung Haji sedia berkongsi pengalaman dengan negara-negara lain.

Katanya negara-negara Islam perlu bekerjasama dalam menangani isu yang mereka hadapi khususnya yang memburuk-burukkan imej Islam.

"Kita boleh bermula dengan meningkatkan status sosial dan ekonomi umat Islam di seluruh dunia," katanya.

Badroddin berkata masanya telah tiba bagi negara-negara Islam membuktikan kepada dunia bahawa mereka mampu mencapai kemakmuran secara sendiri.

Lawatan itu adalah acara rasmi terakhir bagi peserta persidangan itu yang ditutup dengan rasminya oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikannya pada Sabtu lepas. Ia dianjurkan oleh kerajaan Arab Saudi dan Tabung Haji.

-- BERNAMA
NHA MAM MAI